

27 MAY 1999

MAHATHIR-KDNK

KDNK SUKU PERTAMA MENGUNCUP 1.5 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama 1999 akan menguncup dengan margin yang lebih kecil sebanyak 1.5 peratus, selepas menguncup 8.1 peratus pada suku terakhir 1998.

Beliau berkata pertumbuhan KDNK, bagaimanapun, bergerak ke kawasan positif pada suku kedua tahun ini dengan sokongan perbelanjaan kerajaan yang akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Malaysia dalam kedudukan yang sesuai untuk mencapai pertumbuhan positif satu peratus bagi keseluruhan tahun ini," katanya kepada Bernama dalam temuramah eksklusif selepas mengunjungi Raja Mswati III dari Swaziland, yang datang ke sini untuk lawatan peribadi.

"Pertumbuhan suku pertama adalah lebih baik, tidak syak lagi, berbanding penguncupan 8.1 peratus yang dicatat pada suku terakhir 1998, tetapi ia masih bukan pertumbuhan positif.

"Tetapi pada separuh kedua tahun ini kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan membetulkan kedudukan dan memasuki kawasan positif," katanya.

Malaysia mencatat penguncupan perit 6.7 peratus pada 1998.

Bank Negara Malaysia dalam laporannya bagi 1998 menyatakan pertumbuhan 1999 mungkin hampir dua peratus.

Dr Mahathir, dalam membuat penjelasan lanjut, berkata pertumbuhan suku pertama tidak begitu baik kerana kebanyakan kementerian hanya mempercepatkan perbelanjaan peruntukan dalam separuh kedua tahun ini.

"Kami memperuntukkan dana bagi pembangunan tetapi kementerian-kementerian tidak dapat membelanjakan wang itu.

"Jika kita tidak membelanjakan wang, tentunya ia tidak akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi... sebab itulah ia melembapkan pertumbuhan," tambahnya.

Tetapi pada separuh kedua tahun ini, Dr Mahathir berkata jabatan-jabatan kerajaan akan selalunya berbelanja lebih cepat dan itu akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK. -- BERNAMA

MR JR